

# Eastspring Investments Berhad's Privacy & Personal Data Protection Notice

## Notis Perlindungan Privasi & Data Peribadi Eastspring Investments Berhad

### NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

The Personal Data Protection Act 2010 (“**the Act**”), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to us. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**Akta**”) yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersil, terpakai ke atas kami.

We, Eastspring Investments Berhad, take the privacy and protection of your personal data seriously. Kami, Eastspring Investments Berhad, mengambil privasi dan perlindungan data peribadi anda dengan serius.

So, we've set out the below information about our processing of your personal data by us or on our behalf, what rights you have, and how you can get in touch if you want to know more.

Oleh itu, kami telah menetapkan maklumat tentang pemprosesan data peribadi anda oleh kami atau bagi pihak kami, hak anda, dan bagaimana anda boleh menghubungi kami jika anda ingin mengetahui dengan lebih lanjut.

When we say “personal data”, we mean information about you, such as your name, date of birth and contact details. We collect personal data from you that is necessary for us to either provide you with the product or service you've requested or to comply with statutory or contractual requirements. In order to enable us to deal with your inquiries, open and operate an account / investment for you and / or to generally provide you with our products and services, we may need to and / or may be required to collect, record, hold, use, disclose and store (i.e. “process”) personal information and financial information about you.

Apabila kami menyebut “data peribadi”, kami maksudkan maklumat mengenai anda, seperti nama, tarikh lahir dan butiran hubungan. Kami mengumpul data peribadi anda yang diperlukan untuk memberikan anda produk atau perkhidmatan yang diminta oleh anda atau untuk mematuhi undang-undang atau syarat-syarat kontrak. Bagi membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan akaun / pelaburan untuk anda dan / atau secara amnya memberi anda produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin perlu dan / atau mungkin dikehendaki untuk mengumpul, merakam, memegang, menggunakan, menahkakan dan menyimpan (iaitu “pemprosesan”) maklumat peribadi dan maklumat kewangan berkenaan anda.

For the purpose of this written notice (“Notice”), the terms “personal data” and “processing” shall have the same meaning as prescribed in the Act. Bagi tujuan notis bertulis ini (“Notis”), istilah “data peribadi” dan “pemprosesan” hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta.

We may change this Notice from time to time by updating our Notice on our website. We encourage you to check our Notice from time to time on our website, as the version of our Notice which is displayed on our website takes precedence over all previous versions of our Notice.

Kami boleh mengubah Notis ini dari semasa ke semasa dengan mengemaskini Notis tersebut di laman web kami. Kami menggalakkan anda untuk menyemak Notis di tapak web kami dari semasa ke semasa, kerana versi Notis yang dipaparkan di tapak web kami mendahului kesemua versi Notis yang sebelumnya.

#### Part A – Personal data we process

##### Bahagian A – Data Peribadi yang kami proses

- ▶ personal and contact details, such as title, full name, contact details and contact details history; butiran peribadi dan hubungan, seperti gelaran, nama penuh, butiran hubungan dan sejarah butiran hubungan;
- ▶ travel document information; maklumat dokumen perjalanan;
- ▶ payment information including but not limited to bank account information; maklumat pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat akaun bank;
- ▶ your date of birth, gender and/or age; tarikh lahir, jantina dan/atau umur anda;
- ▶ your nationality, NRIC or other identity copies and details (if relevant to the product or service); kewarganegaraan kad pengenalan atau salinan dan butiran identiti anda yang lain (jika berkaitan dengan produk atau perkhidmatan);
- ▶ family members' information (if relevant to the product or service); maklumat ahli keluarga (jika berkaitan dengan produk atau perkhidmatan);
- ▶ records of your contact with us such as via the phone number of our customer service centre and, if you get in touch with us online using our online services or via our smartphone app, details such as your mobile phone location data, IP address and MAC address; rekod hubungan anda dengan kami seperti melalui nombor telefon pusat khidmat pelanggan kami dan, jika anda berhubung dalam talian dengan menggunakan perkhidmatan dalam talian kami atau melalui aplikasi telefon pintar, butiran seperti data lokasi telefon mudah alih anda, alamat IP dan alamat MAC;
- ▶ products and services, you hold with us, as well as those you have been interested in and have held and the associated payment methods used; produk dan perkhidmatan, yang anda langgani dengan kami, serta produk dan perkhidmatan yang anda sukai dan pernah pegang serta kaedah pembayaran berkaitan;
- ▶ analysis of data relating to marketing made to you, including history of communications and whether you open them or click on links; analisis data berkaitan dengan pemasaran yang disampaikan kepada anda, termasuk sejarah komunikasi dan sama ada anda membukanya mahupun mengklik pautan;
- ▶ information we obtained from third parties, including information about instances of suspected fraud and usage history; maklumat yang kami peroleh daripada pihak ketiga, termasuk maklumat tentang kejadian yang disyaki penipuan dan sejarah penggunaan;
- ▶ biometric data including but not limited to your voice pattern, fingerprint and facial images, and your location information based on your device; data biometrik termasuk tetapi tidak terhad kepada corak suara anda, cap jari dan imej muka serta maklumat lokasi berdasarkan peranti anda;
- ▶ specimen signature as well as digital or electronic signatures as defined under applicable laws and regulations; spesimen tandatangan serta tandatangan digital atau elektronik seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan;
- ▶ personal data which we obtain from credit reference agencies and fraud prevention agencies, including public (for example, defaults) and shared credit history, financial situation and financial history; data peribadi yang kami peroleh daripada agensi rujukan kredit dan agensi pencegahan penipuan, termasuk orang awam (contohnya, keingkar) dan sejarah kredit yang dikongsi, situasi kewangan dan sejarah kewangan;
- ▶ fraud, debt and theft information, including details of money you owe, suspected instances of fraud or theft, and details of any devices used for fraud; maklumat penipuan, hutang dan kecurian, termasuk butiran wang yang anda berhutang, kejadian penipuan atau kecurian yang disyaki, dan butiran sebarang peranti yang digunakan ke atas penipuan;

- ▶ criminal records information, including alleged offences;  
maklumat rekod jenayah, termasuk kesalahan yang didakwa;
- ▶ financial details about you, such as your salary and details of other income, details of your savings, details of your expenditure, and payment method(s);  
butiran kewangan tentang anda, seperti gaji dan butiran pendapatan lain, butiran simpanan, butiran perbelanjaan dan kaedah pembayaran;
- ▶ information about your employment status (if relevant to the product or service);  
maklumat tentang status pekerjaan anda (jika berkaitan dengan produk atau perkhidmatan);
- ▶ your residency and/or citizenship status;  
status pemastautin dan/atau kewarganegaraan anda;
- ▶ your marital status, family, lifestyle or social circumstances (if relevant to the product or service). For example, the number of dependents you have or if you are a widow or widower;  
status perkahwinan, keluarga, gaya hidup atau keadaan sosial anda (jika berkaitan dengan produk atau perkhidmatan). Sebagai contoh, bilangan tanggungan di bawah anda ada atau jika anda seorang balu atau duda;
- ▶ information we buy or rent from third parties, including demographic information, details of outstanding finance, marketing lists, publicly available information, and information to help improve the relevance of our products and services;  
maklumat yang kami beli atau sewa daripada pihak ketiga, termasuk maklumat demografi, butiran kewangan tertunggak, senarai pemasaran, maklumat yang tersedia secara umum dan maklumat untuk menambah baik perkaitan produk dan perkhidmatan kami;
- ▶ insights about you and our customers gained from analysis or profiling of customers;  
pandangan tentang anda dan pelanggan kami yang diperolehi daripada analisis atau pemprofilan pelanggan;
- ▶ tax information (if relevant to the product or service). For example, for investment accounts.  
maklumat cukai (jika berkaitan dengan produk atau perkhidmatan). Sebagai contoh, untuk akaun pelaburan.

## Part B – Where we get your personal data

### Bahagian B – Dari mana kami mendapatkan data peribadi anda

We'll collect personal data from the following general sources:

Kami mengumpul data peribadi daripada sumber umum berikut:

- ▶ from you directly, through all application/registration forms, and any information from family members, associates or beneficiaries of products and services;  
secara langsung daripada anda melalui semua borang permohonan/ pendaftaran, dan sebarang maklumat daripada ahli keluarga, rakan sekutu atau benefisiari produk dan perkhidmatan;
- ▶ information generated about you when you use our products and services;  
maklumat yang dijana tentang anda apabila menggunakan produk dan perkhidmatan kami;
- ▶ from a broker or other intermediary (for example, our authorized distributors/unit trust agents, business partners) who we work with to provide products or services or quote to you, subject to your prior consent;  
daripada broker atau perantara lain (contohnya, pengedar sah/ ejen amanah saham kami, rakan kongsi perniagaan) yang kami jalinkan kerjasama untuk menyediakan produk atau perkhidmatan atau sebut harga kepada anda, tertakluk kepada persetujuan anda terlebih dahulu;
- ▶ Prudential Group companies if you already have a product with them, have applied for one or have held a one previously;  
Syarikat Kumpulan Prudential jika anda sudah mempunyai produk dengan mereka, sudah pun membuat permohonan atau telah memegangnya sebelum ini;
- ▶ cookies, location services, IP addresses when you visit our website or mobile app or when you fill up contact us forms within our website or app;  
kuki, perkhidmatan lokasi, alamat IP apabila anda melawati tapak web atau aplikasi mudah alih kami atau apabila anda mengisi borang hubungi kami dalam tapak web atau aplikasi kami;
- ▶ third parties connected with you, such as employers, joint account holders, security providers, guarantors and indemnitors, subject to your prior consent  
pihak ketiga yang berhubung dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun bersama, penyedia keselamatan, penjamin dan penanggung kerugian, tertakluk kepada persetujuan anda terlebih dahulu;
- ▶ third parties such as insurance companies, agents, lawyers, vendors, financial institutions, courts, regulatory authorities or public records;  
pihak ketiga seperti syarikat insurans, ejen, peguam, vendor, institusi kewangan, mahkamah, pihak berkuasa kawal selia atau rekod awam;
- ▶ questionnaire and contact details when you attend surveys, investor conferences, roadshows, competitions, promotions or when you update contact us form on our website;  
soal selidik dan butiran hubungan apabila anda menghadiri tinjauan, persidangan pelabur, jerayawara, pertandingan, promosi atau apabila anda mengemas kini borang hubungi kami di laman web kami;
- ▶ from other sources such as fraud prevention agencies, credit reference agencies, other lenders, publicly available directories and information (for example, telephone directory, social media, internet, news articles), debt recovery and/or tracing agents, other organisations to assist in prevention and detection of crime, police and law enforcement agencies; and  
daripada sumber lain seperti agensi pencegahan penipuan, agensi rujukan kredit, pemberi pinjaman lain, direktori dan maklumat yang tersedia secara umum (contohnya, direktori telefon, media sosial, internet, artikel berita), pemulihan hutang dan/atau ejen pengesanan, organisasi lain yang membantu pencegahan dan pengesanan jenayah, polis dan agensi penguatkuasaan undang-undang; dan
- ▶ we buy or rent information about you or customers generally from third parties including demographic information, vehicle details, claims history, fraud information, marketing lists, publicly available information and other information to help improve our products and services or our business; and  
kami membeli atau menyewa maklumat tentang anda atau pelanggan secara amnya, daripada pihak ketiga termasuk maklumat demografi, butiran kenderaan, sejarah tuntutan, maklumat penipuan, senarai pemasaran, maklumat yang tersedia secara umum dan maklumat lain yang menambah baik produk dan perkhidmatan kami atau perniagaan kami; dan
- ▶ from such other sources in respect of which you have given your consent to disclose information relating to you and/or where not otherwise restricted.  
daripada sumber lain yang telah pun andaersetujui berkenaan pendedahan maklumat yang berkaitan dengan anda dan/atau yang mana tidak dinyatakan penyekatannya.

## Part B.1 – Cookie Policy

### Bahagian B.1 – Dasar Kuki

Our Site ("Site") uses cookies to distinguish you from other users of our Site. This helps us to provide you with a good experience when you use the Site and also allows us to improve our Site. A cookie is a small file of letters and numbers that we store on your browser or the hard drive of your computer. Cookies contain information that is stored on your computer's hard drive. You have the ability to accept or decline cookies by modifying the setting in your browser. If you would like to do this, please see the help menu of your browser.

Tapak web ("Tapak") kami menggunakan kuki untuk membezakan anda dari pengguna lain di Tapak kami. Ini akan membantu kami untuk memberikan anda pengalaman yang baik apabila anda menggunakan Tapak ini dan juga membolehkan kami memperbaiki Tapak kami. Kuki adalah fail kecil dengan huruf dan nombor yang kami simpan pada pelayar anda atau pemacu keras komputer anda. Kuki mengandungi maklumat yang disimpan pada pemacu keras komputer anda. Anda boleh menerima atau menolak kuki dengan mengubah tetapan dalam pelayar anda. Jika anda ingin berbuat demikian, sila rujuk menu bantuan pelayar anda.

We use the following types of cookies:  
Kami menggunakan jenis kuki yang berikut:

- **Strictly necessary cookies.** These are cookies that are required for the operation of our Site. They include, for example, cookies that enable you to log into our secure Site;  
**Kuki paling mustahak.** Ini adalah kuki yang diperlukan untuk operasi Tapak kami. Ia termasuk, sebagai contoh, kuki yang membolehkan anda untuk log masuk ke Tapak kami yang selamat;
- **Analytical / performance cookies.** These allow us to recognise and count the number of visitors to our Site and to see how visitors move around our Site when they are using it. This helps us to improve the way our Site works, for example, by ensuring that users are finding what they are looking for easily; and  
**Kuki analisis / prestasi.** Ia membolehkan kami untuk mengenali dan menghitung jumlah pengunjung ke Tapak kami dan untuk melihat pergerakan pengunjung di Tapak kami ketika menggunakannya. Ini membantu kami untuk menambahbaik cara pengendalian Tapak kami, contohnya, dengan memastikan pengguna menemui apa yang mereka cari dengan mudah; dan
- **Functionality cookies.** These are used to recognise you when you return to our Site. This enables us to personalise our content for you, greet you by name and remember your preferences (for example, your choice of language or region).  
**Kuki berfungsi.** Ia digunakan untuk mengenali anda apabila anda kembali ke Tapak kami. Ini membolehkan kami untuk menyuaipadankan isi kandungan kami kepada anda, menyapa dengan menggunakan nama anda dan mengingati keutamaan anda (sebagai contoh, pilihan bahasa atau rantau anda).
- **Third Party Cookies.** These are cookies that are set by a domain other than that of the website being visited by the user and we don't have any control on these cookies. If a user visits a website and another entity sets a cookie through that website, this would be a third-party cookie. These cookies may be set by third party providers whose services we have added to our pages. You may change your browser settings to restrict personal data collection by these third-party cookies.  
**Kuki Pihak Ketiga.** Ia merupakan kuki yang ditetapkan oleh domain selain daripada tapak web yang dikunjungi oleh pengguna dan kami tidak mempunyai kawalan ke atas kuki sedemikian. Sekiranya pengguna melawat tapak web dan entiti lain menetapkan kuki melalui tapak web tersebut, lalu ia akan menjadi kuki pihak ketiga. Kuki ini mungkin ditetapkan oleh penyedia pihak ketiga yang perkhidmatannya telah kami tambahkan ke Tapak kami. Anda boleh menukar tetapan pelayar anda bagi menyekat pengumpulan data peribadi oleh kuki pihak ketiga ini.

By continuing to use the Site, you accept to the use of cookies as outlined above.

Dengan penggunaan terus Tapak ini, anda dengan ini menerima penggunaan kuki seperti yang dinyatakan di atas.

### Part C – How we use your personal data and why Bahagian C – Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda dan mengapa

We, Eastspring Investments Berhad, the Prudential Group and our Business Partners, will use the personal data you provide to us, together with other information, where relevant, for the following purposes (“**Purposes**”):

Kami, Eastspring Investments Berhad, Prudential Group dan Rakan Niaga kami, akan menggunakan data peribadi yang anda bekalkan kepada kami, bersama-sama dengan maklumat lain, di mana berkaitan, untuk tujuan berikut (“**Tujuan**”):

Purpose Tujuan	Legal basis for processing Asas undang-undang untuk pemprosesan
<p>The administration of our products and services, including to enable us to perform our obligations to you and to provide any relevant services as discussed with you prior to any purchase of a product or service. Pentadbiran produk dan perkhidmatan kami, termasuk untuk membolehkan kami melaksanakan tanggungjawab kami kepada anda dan untuk menyediakan apa-apa perkhidmatan yang berkaitan seperti yang dibincangkan dengan anda sebelum mana-mana pembelian produk atau perkhidmatan.</p>	<p>Necessary for the performance of our contract with you or in order to take steps prior to entering into a contract with you. Perlu untuk pelaksanaan kontrak kami dengan anda atau untuk mengambil langkah yang wajar sebelum membuat kontrak dengan anda.</p>
<p>Carrying out checks using agencies such as credit reference agencies, tracing companies, or publicly available information (see Part D for more). Menjalankan pemeriksaan melalui agensi seperti agensi rujukan kredit, pengesanan syarikat, atau maklumat yang tersedia secara umum (lihat Bahagian D untuk maklumat lanjut).</p>	
<p>To assess your application(s) / request(s) for our products and services Untuk menilai permohonan / permintaan anda ke atas produk dan perkhidmatan kami.</p>	
<p>To communicate with you, including the but not limited to notify you about benefits and changes to the features of our products and services and to administer offers and competitions Untuk berkomunikasi dengan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberitahu anda tentang manfaat dan perubahan pada ciri produk dan perkhidmatan kami dan untuk mentadbir tawaran dan pertandingan.</p>	<p>Necessary for the performance of our contract with you. After our contract is complete, our legitimate interests in maintaining and developing our relationship with you. Perlu untuk pelaksanaan kontrak kami dengan anda. Selepas kontrak kami terpenuh, kepentingan sah kami dalam mengekalkan dan membina hubungan kami dengan anda.</p>
<p>Provision of customer services – like to reply to a question, complain, tell you that something's changing or to generally resolve disputes. Penyediaan perkhidmatan pelanggan – seperti menjawab pertanyaan, pengaduan, memberitahu anda tentang suatu perubahan atau secara umumnya menyelesaikan percanggahan.</p>	
<p>To better manage our business and your relationship with us, including to understand your current and future investment needs and your financial situation Untuk mengurus perniagaan dan hubungan anda dengan kami secara lebih baik, termasuk untuk memahami keperluan pelaburan semasa dan masa depan serta keadaan kewangan anda.</p>	
<p>Automated decision-making or profiling (see Part E for more). Membuat keputusan secara automatik atau pemprofilan (lihat Bahagian E untuk lanjutan).</p>	
<p>Keeping your information on record and carrying out other internal business administration Menyimpan maklumat anda pada rekod dan menjalankan pentadbiran perniagaan dalaman yang lain</p>	
<p>To conduct market surveys and trend analysis; Untuk menjalankan tinjauan pasaran dan analisis trend;</p>	
<p>To update, consolidate and improve the accuracy of our records Untuk mengemas kini, menyatukan dan meningkatkan ketepatan rekod kami</p>	

Transfer or assign our rights, interests and obligations under any of your agreements with us Memindah atau memberikan hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami	
To conduct internal activities including audit, compliance and risk management purposes Melaksanakan aktiviti dalaman termasuk bagi tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko	
Complying with any regulatory or other legal requirements. Mematuhi apa-apa peraturan atau keperluan undang-undang yang lain.	Compliance with our legal obligations. Mematuhi obligasi undang-undang kami.
For meeting the requirements to make disclosure under the requirements of any laws binding on and for the purposes of any guidelines issued by regulatory or other authorities with which Eastspring Investments Berhad or any of its branches and any of Eastspring Investments Berhad's holding companies, subsidiaries, affiliates, representatives are expected to comply; Bagi memenuhi keperluan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat dan bagi tujuan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa atau pengawal selia lain yang mana Eastspring Investments Berhad atau mana-mana cawangannya dan mana-mana syarikat induk, anak syarikat, sekutu, wakil Eastspring Investments Berhad di jangka akan mematuhi;	
To conduct anti-money laundering checks; for crime detection, prevention and prosecution; to comply with any sanction requirements Mengendalikan carian pencegahan pengubahan wang haram; untuk pengesanan jenayah, pencegahan dan pendakwaan; untuk mematuhi apa-apa kehendak sekatan	
For the purpose of enforcing our legal rights and / or obtaining legal advice Untuk tujuan penguatkuasaan hak undang-undang kami dan / atau mendapatkan nasihat undang-undang	
Design and provide you with information on our and third party products, services and offers which may be of interest to you. Menggubah dan menyediakan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran kami mahupun pihak ketiga yang mungkin anda sukai.	Our legitimate interests in designing and improving our products, provide value added services, developing our business and gaining insight into how our products are used. Kepentingan sah kami dalam menggubah dan menambahbaik produk kami, menambah nilai perkhidmatan, membangunkan perniagaan kami dan mendapat gambaran tentang bagaimana produk kami digunakan.
Conduct research and statistical analysis (including use of new technologies). Mengendalikan penyelidikan dan analisis statistik (termasuk penggunaan teknologi baru).	
For other legitimate business activities Untuk aktiviti perniagaan lain yang sah	
For such other purposes directly related to the foregoing Untuk tujuan lain yang berkaitan langsung dengan perkara yang di sebut di atas	

In addition, we, Eastspring Investments Berhad, the Prudential Group and our Marketing Partners, will use the personal data you provide to us, together with other information, to send you direct marketing offers and promotions by electronic and non-electronic means including by post, as well as sending you introductions to products and services from carefully selected third parties also by post. Please see part I for further details. Our legal basis for this processing is based on your consent.

Di samping itu, kami, Eastspring Investments Berhad, Prudential Group dan Rakan Pemasaran kami, akan menggunakan data peribadi yang anda berikan kepada kami, bersama-sama dengan maklumat lain, untuk menghantar tawaran pemasaran terus dan promosi melalui cara elektronik dan bukan elektronik termasuk melalui pos, serta menghantar pengenalan produk dan perkhidmatan dari pihak ketiga yang di pilih dengan teliti juga melalui pos, kepada anda. Sila semak Bahagian I untuk butiran lanjut. Asas undang-undang kami untuk pemprosesan ini adalah berdasarkan persetujuan anda.

### Who we share your personal data with and why

#### Dengan siapa kami berkongsi data peribadi anda dan mengapa

We'll share your personal data to the following parties:

Kami akan berkongsi data peribadi anda dengan pihak-pihak yang berikut:

- Companies and / or organisations that act as our agents, affiliates, business partners, subsidiary(ies), shareholders and its related companies, and / or professional advisers;  
Syarikat dan / atau organisasi yang bertindak sebagai ejen, sekutu, rakan kongsi, anak syarikat, pemegang saham dan syarikat berkaitan, dan / atau penasihat profesional kami;
- Companies and / or organisations (including but not limited to custodians, trustees, distributors, brokers) that assist us in processing and / or otherwise fulfilling transactions that you have requested;  
Syarikat dan/atau organisasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kustodian, pemegang amanah, pengedar, broker) yang membantu kami memproses dan / atau menepati transaksi yang anda minta;
- Companies and / or organisations that assist us in providing value added services that you have requested;  
Syarikat dan / atau organisasi yang membantu kami dalam menambah nilai perkhidmatan yang anda minta;
- your advisers and / or agents (including but not limited to brokers, auditors, lawyers, accountants, financial institutions, financial advisers, or other professional advisers), where authorised by you;  
penasihat dan / atau ejen anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada broker, juruaudit, peguam, akauntan, institusi kewangan, penasihat kewangan, atau penasihat profesional lain), jika dibenarkan oleh anda;
- any other person notified by you as authorised to give instructions or to use the account(s), investment(s) or products and services on your behalf;  
mana-mana individu yang dimaklumkan oleh anda sebagai yang diberi kuasa untuk memberi arahan atau menggunakan akaun, pelaburan atau produk dan perkhidmatan bagi pihak anda;
- any other agents and / or counterparties that we are required to provide such information to by any laws (including any regulations, guidelines and / or organisations) and / or court orders;  
mana-mana ejen dan / atau rakan niaga lain yang kami dikehendaki untuk memberikan apa-apa maklumat kepada mana-mana undang-undang (termasuk apa-apa peraturan, garis panduan dan / atau organisasi) dan / atau perintah mahkamah;

- (g) and other third party service providers who provide administrative, telecommunications, computer, payment, printing, redemption or other services to us to enable us to operate our business), industry associations and federations, your joint policy or investment holder, professional advisors, researchers, credit reference agencies, debt collection agencies, financial and partnerships for any of the purposes set out in this Part C; and / or mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, percetakan, penebusan atau perkhidmatan lain kepada kami bagi membolehkan kami mengendalikan perniagaan kami, persatuan industri dan persekutuan, pemegang polisi atau pelaburan bersama anda, penasihat profesional, penyelidik, agensi rujukan kredit, agensi pemungut hutang, kewangan dan perkongsian bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Bahagian C ini; dan / atau
- (h) any other person connected to the enforcement or preservation of any of our rights under your agreement(s) with us. mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami.

If you have a joint policy or, the other person may receive your personal data too. If appropriate, we may also pass on your personal data to financial crime prevention agencies, any legal, regulatory or government bodies.

Sekiranya anda pemegang bersama satu-satu polisi, pemegang bersama itu mungkin menerima data peribadi anda juga. Sekiranya wajar, kami juga boleh menyampaikan data peribadi anda kepada agensi pencegahan jenayah kewangan, mana-mana badan perundangan, pengawal selia atau kerajaan.

We may process your personal data in a country other than the one in which you reside. To the extent we transfer your personal data, we will use appropriate safeguards and comply with the laws of the country to which your personal data is transferred. Details of the safeguards we use are available on request.

Kami boleh memproses data peribadi anda di negara selain tempat tinggal anda. Semasa pemindahan data peribadi anda, kami akan menggunakan perlindungan yang wajar dan mematuhi undang-undang negara yang mana data peribadi anda dipindahkan. Butiran perlindungan yang kami gunakan akan diberikan atas permintaan.

### **We keep your personal data for a set amount of time**

#### **Kami menyimpan data peribadi anda untuk jangka masa tertentu**

Your personal data will be stored either for as long as you (or your joint policyholder) are our customer and for a period of seven years after the end of the customer relationship, or longer if required by law. There may be specific circumstances where it is necessary for us to retain your personal data for longer (such as when a dispute arises).

Data peribadi anda akan di simpan sama ada selagi anda (atau pemegang polisi bersama anda) adalah pelanggan kami dan untuk tempoh tujuh tahun selepas tamatnya hubungan pelanggan, atau lebih lama jika diperlukan oleh undang-undang. Mungkin terdapat keadaan tertentu yang perlu bagi kami untuk menyimpan data peribadi anda dengan lebih lama (seperti apabila timbul percanggahan).

### **Part D – Reference checks**

#### **Bahagian D – Pemeriksaan rujukan**

For certain products, we may use approved credit reference agencies, tracing companies, financial crime prevention agencies, or publicly available information, to help us to check your identity, as well as to prevent fraud and money laundering; this may include checks on your current or previous addresses. Results of these may be recorded for future reference.

Bagi sebahagian produk, kami boleh menggunakan agensi-agensi rujukan kredit yang diluluskan, syarikat-syarikat pengesanan, agensi-agensi pencegahan jenayah kewangan, atau maklumat yang tersedia secara umum, untuk membantu kami menyemak identiti anda, serta untuk mencegah penipuan dan pengubahan wang haram; ini mungkin termasuk pemeriksaan ke atas alamat semasa anda atau sebelumnya. Keputusan yang berkenaan boleh direkod untuk rujukan pada masa hadapan.

These checks may also be carried out for a fund investor, joint account holder or person(s) that you provide personal data on. Should we ever lose contact with you, we may use these agencies to verify your address to help us get back in touch.

Pemeriksaan ini juga boleh dilakukan untuk seseorang pelabur dana, pemegang akaun bersama atau orang yang anda berikan data peribadinya. Jika kami tidak dapat menghubungi anda, kami mungkin menggunakan agensi ini untuk mengesahkan alamat anda untuk membantu kami agar kami dapat berhubung dengan anda.

Any transfer of your personal data will always be done securely.

Sebarang pemindahan data peribadi anda akan sentiasa dilakukan dengan selamat.

### **Part E – We may use your personal data to make automated decisions or profile you**

#### **Bahagian E – Kami boleh menggunakan data peribadi anda untuk keputusan berautomatik atau pemprofilan anda**

We, Eastspring Investments Berhad, our Business Partners, and our Marketing Partners may use your personal data to make automated decisions affecting you or to conduct other profiling (for example, marketing profiling).

Kami, Eastspring Investments Berhad, Rakan Niaga kami, dan Rakan Pemasaran kami boleh menggunakan data peribadi anda untuk membuat keputusan berautomatik berkenaan anda atau melakukan pemprofilan lain (misalnya, pemprofilan pemasaran).

### **Part F – Use of your sensitive personal data**

#### **Bahagian F – Penggunaan data peribadi sensitif anda**

For certain products or services, we'll need to process your sensitive personal data, such as information relating to ethnicity and sexual orientation. To the extent that we need your explicit consent to process this kind of personal data in the manner described in Parts C, D, and E, we will provide details of this at the point of collection and seek your consent.

Bagi sesetengah produk atau perkhidmatan, kami perlu memproses data peribadi sensitif anda, seperti maklumat yang berkaitan dengan etnik dan orientasi seksual. Sehingga ke tahap yang kami perlukan persetujuan anda untuk memproses jenis data peribadi ini dengan cara yang dijelaskan dalam Bahagian C, D, dan E, kami akan memberikan butir-butir mengenai hal ini semasa pengumpulan data dan akan mendapatkan persetujuan anda.

### **Part G – You're in control**

#### **Bahagian G – Anda Yang Menentukan**

When it comes to how we use your personal data, you have the right to:

Apabila melibatkan bagaimana kami menggunakan data peribadi anda, anda berhak untuk:

- request a copy of your personal data (we have the right to charge a reasonable fee to complete this request) ("**data access**"); meminta salinan data peribadi anda (kami berhak mengenakan bayaran yang munasabah untuk menunaikan permintaan ini) ("**akses data**");
- request that we correct anything that's wrong, or complete any incomplete personal data ("**data correction**"); meminta agar kami membetulkan apa-apa yang salah, atau melengkapkan data peribadi yang tidak lengkap ("**pembetulan data**");
- complain to a data protection authority or another independent regulator about how we're using it; mengadu kepada pihak berkuasa perlindungan data atau pengawal selia bebas yang lain mengenai cara kami menggunakannya;

- ▶ object to us using your personal data for direct marketing (including related profiling) or other processing based on legitimate interests; menyanggah kami daripada menggunakan data peribadi anda untuk pemasaran terus (termasuk pemprofilan yang berkaitan) atau pemprosesan yang lain berdasarkan kepentingan sah;
- ▶ request that provide a copy of your personal data in a structured and commonly used format in certain circumstances<sup>1</sup>; and meminta untuk menyediakan salinan data peribadi anda dalam format berstruktur dan biasa digunakan dalam keadaan tertentu<sup>1</sup>; dan
- ▶ limit how we use your personal data or withdraw your consents (including automated decision making) you have given for the processing of your personal data. menghadkan bagaimana kami menggunakan data peribadi anda atau menarik balik persetujuan anda (termasuk membuat keputusan berautomatik) yang telah anda berikan untuk pemprosesan data peribadi anda.

If you currently reside in a EU jurisdiction, additional rights under General Data Protection Regulation (GDPR) may apply. As such, you may:

Sekiranya anda kini berada dalam bidang kuasa EU, hak tambahan di bawah Peraturan Perlindungan Data Am ('General Data Protection Regulation' atau GDPR) mungkin terpakai. Oleh itu, anda boleh:

- ▶ ask us to delete your personal data if it is no longer needed for the purposes set out in Part A or if there is no other legal basis for the processing. meminta kami untuk memadamkan data peribadi anda jika tidak diperlukan lagi bagi tujuan yang dinyatakan dalam Bahagian A atau jika tidak ada asas undang-undang lain untuk pemprosesan.

You are responsible for ensuring that the information you provide us is accurate, complete, not misleading and is kept up to date.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemas kini.

If you want to exercise your rights, or would like an explanation about these rights, we've explained how you can get in touch in the Contact Us section. The above rights are subject to the provisions of the Act. We may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.

Jika anda ingin menggunakan hak anda, atau ingin penjelasan tentang hak-hak ini, kami telah menerangkan bagaimana anda boleh berhubung pada bahagian Hubungi Kami. Hak-hak di atas adalah tertakluk kepada peruntukan Akta. Kami boleh menolak untuk mematuhi satu-satu permintaan akses data atau permintaan pembetulan data dan, dengan notis secara bertulis, memberitahu anda tentang keengganan kami dan alasan penolakan kami.

If you do need to speak to us, it'll be useful to have to hand that the data controller<sup>2</sup> of your personal data is Eastspring Investments Berhad. We may monitor or record calls or any other communication we have with you. This might be for training, for security, or to help us check for quality.

Sekiranya anda perlu bercakap dengan kami, ia adalah bermanfaat untuk menyerahkan pengawal<sup>2</sup> data peribadi anda kepada Eastspring Investments Berhad. Kami boleh memantau atau merakam panggilan atau bentuk komunikasi lain kami dengan anda. Ia mungkin bertujuan untuk latihan, keselamatan, atau membantu kami memeriksa kualiti.

#### **Part H – Acting on someone else's behalf?**

##### **Bahagian H – Anda bertindak bagi pihak orang lain?**

When you give us personal data about another person (or persons), you should have been appointed and authorised by such person to act on their behalf. This includes providing consent to:

Apabila anda memberikan kepada kami data peribadi mengenai seseorang (atau lebih), anda sepatutnya telah pun dilantik dan dibenarkan oleh individu tersebut untuk bertindak bagi pihak mereka. Ini termasuk memberi persetujuan untuk:

- ▶ our processing of their personal data and sensitive personal data (as we've explained in Parts A - G above); and kami memproses data peribadi dan data peribadi sensitif (seperti yang dijelaskan di Bahagian A - G di atas); dan
- ▶ you are getting any information protection notices on their behalf. anda mendapat notis perlindungan maklumat bagi pihak mereka.

If for any reason you are concerned as to whether you are permitted to provide us with the other person's information, please contact us at the email address below before sending us anything.

Jika atas apa jua sebab anda khuatir sama ada anda dibenarkan memberikan maklumat berkenaan orang lain, sila hubungi kami di alamat e-mel di bawah sebelum menghantar apa-apa maklumat kepada kami.

#### **Part I – Direct marketing**

##### **Bahagian I – Pemasaran terus**

We, Eastspring Investments Berhad, our Business Partners, and our Marketing Partners will still send you information by post about our and the Prudential Group's products and services and carefully selected third parties.

Kami, Eastspring Investments Berhad, Rakan Niaga kami, dan Rakan Pemasaran kami akan terus menghantar anda maklumat melalui pos mengenai produk dan perkhidmatan Prudential Group kami dan pihak ketiga yang dipilih dengan teliti.

Additionally, from time to time, we, Eastspring Investments Berhad and the Prudential Group would like to contact you by electronic means with details about products, services and any special offers. We will only do this if you have consented to us contacting you by electronic means.

Di samping itu, dari semasa ke semasa, kami, Eastspring Investments Berhad dan Prudential Group ingin menghubungi anda melalui cara elektronik dengan menyampaikan butiran tentang produk, perkhidmatan dan apa-apa tawaran istimewa. Kami akan berbuat demikian hanya jika anda telah bersetuju untuk kami menghubungi anda secara elektronik.

And if you change your mind, and / or you would like to opt-out of receiving non-electronic direct marketing, it's easy to let us know. Just use one of the options in the Contact us section.

Dan jika anda berubah fikiran, dan / atau anda ingin menarik diri dari menerima pemasaran terus bukan elektronik, mudah untuk anda maklumkan kami. Hanya gunakan salah satu pilihan di bahagian Hubungi kami.

<sup>1</sup> We will provide an electronic information (not paper records) that we hold and only that which you provided to us – we will not provide the results of any processing carried out on the data. Kami akan menyediakan maklumat elektronik (bukan rekod bertulis) yang kami pegang dan maklumat yang anda bekalkan kepada kami semata-mata – kami tidak akan memberikan hasil daripada apa-apa pemprosesan data.

<sup>2</sup> Data Controller – Natural or legal person, public authority, agency or other body which, alone or jointly with others, determines the purposes and means of the processing of personal data. Pengawal Data – Orang biasa atau orang di sisi undang-undang, pihak berkuasa awam, agensi atau badan lain yang, bersendirian atau bersama dengan orang lain, menentukan tujuan dan cara pemprosesan data peribadi.

## Part J – Language Bahagian J – Bahasa

In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Sekiranya terdapat ketaktekalan antara Notis versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

### Contact us Hubungi Kami

If want to exercise your rights in Part G or if you require any other information about any other part of this notice, you can contact us in several different ways.

Jika anda ingin menggunakan hak anda dalam Bahagian G atau jika anda memerlukan apa-apa maklumat lain mengenai mana-mana bahagian notis ini, anda boleh hubungi kami melalui beberapa cara.

Write to our Data Protection Officer at:

Hubungi Pegawai Perlindungan Data kami secara bertulis di:

Eastspring Investments Berhad  
Level 22, Menara Prudential  
Persiaran TRX Barat  
55188, Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur, Malaysia

Email our Data Protection Officer at:

E-mel Pegawai Perlindungan Data kami di:

[eastspring.my.data.privacy@eastspring.com](mailto:eastspring.my.data.privacy@eastspring.com)

Or visit:

Atau kunjungi:

[www.eastspring.com](http://www.eastspring.com)

## DECLARATION DEKLARASI

To : Eastspring Investments Berhad  
Kepada

I hereby confirm receipt of your Notice under the Personal Data Protection Act 2010 and consent to the processing of my personal data in accordance with the said Notice.

Saya dengan ini mengesahkan penerimaan Notis anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan bersetuju kepada pemprosesan data peribadi saya mengikut Notis tersebut.

I also hereby (consent / do not consent) to the processing of my personal data for direct marketing purposes.

Saya juga (bersetuju / tidak setuju) kepada pemprosesan data peribadi saya untuk tujuan pemasaran langsung.

Name : \_\_\_\_\_  
Nama

NRIC No. : \_\_\_\_\_  
No. MyKad

Signature : \_\_\_\_\_  
Tandatangan

Date : \_\_\_\_\_  
Tarikh

Prudential Corporation Asia means Prudential Corporation Asia Limited.  
Prudential Corporation Asia bermaksud Prudential Corporation Asia Limited.

The Prudential Group means Prudential Plc, Prudential Holdings Limited, Eastspring Investments and any other affiliates of Prudential Plc. Prudential Plc is not affiliated in any manner with Prudential Financial, Inc, a company whose principal place of business is in the United States of America or with the Prudential Assurance Company, a subsidiary of M&G Plc, a company incorporated in the United Kingdom.

Prudential Group bermaksud Prudential Plc, Prudential Holdings Limited, Eastspring Investments dan mana-mana sekutu Prudential Plc. Prudential Plc tidak bersekutu dalam apa-apa cara dengan Prudential Financial Inc, sebuah syarikat di mana tempat utama perniagaannya di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company, subsidiari M&G Plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.

Business Partners means our service providers, accountants, auditors, IT service and platform providers, intermediaries, agents, selected third party financial and, and our legal advisers.

Rakan Kongsi Perniagaan bermaksud penyedia perkhidmatan kami, akauntan, juruaudit, penyedia perkhidmatan IT dan platform, perantara, ejen, kewangan pihak ketiga yang tertentu dan penasihat undang-undang kami.

Marketing Partners means our service providers, intermediaries, and selected third party financial and insurance product providers.

Rakan Pemasaran bermaksud penyedia perkhidmatan kami, perantara, dan penyedia produk kewangan dan insurans pihak ketiga yang terpilih.